



Aktiviti senaman turut diadakan sebagai sebahagian pengisian program.

Siswa UMS bantu tingkatkan kesihatan masyarakat desa

BH 21.11.2013 V8

Kudat: Program Perkongsian Universiti-Keluarga (PUPUK), Sekolah Perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang dilaksanakan sejak 2006 bukan sajanya memberi pendedahan awal kepada bakal doktor, malah nilai tambah kepada kemahiran insaniah menerusi pembabitan dalam aktiviti kemasyarakatan.

Pelajar tahun tiga Sekolah Perubatan UMS, Chin Ket Meng, berkata program PUPUK memberi peluang kepadanya mengalami sendiri pengalaman berada di kawasan pedalaman bersama keluarga angkat yang berbeza latar belakang.

Selain berinteraksi bersama-sama keluarga angkat, katanya, beliau turut gembira dapat membantu mereka memberi khidmat nasihat berkenaan kesihatan.

Pantau perkembangan
“Sepanjang bersama dengan keluarga angkat, saya perlu memantau perkembangan dan data mengenai tahap kesihatan ahli keluarga angkat sekali gus mempraktikkan segala pengetahuan yang diperoleh di dalam bilik kuliah.

“Saya beruntung kerana ditempatkan bersama-sama keluarga Osubing yang sentiasa mesra dan memberi layanan baik. Ini secara tidak langsung memudahkan proses pengumpulan data yang diperlukan,” katanya.

Peserta PUPUK, Zakiah Osubing, 31, gembira dengan pelaksanaan program itu di Kandawayon dan berharap aktiviti sedemikian diteruskan kerana sedikit sebanyak dapat membantu penduduk kampung berkaitan kesihatan.



Penganjuran PUPUK UMS bantu meningkatkan taraf kesihatan masyarakat pedalaman di Kudat.



Keluarga sendiri

“Mereka sering mengunjungi kami sekiranya mempunyai masa terluang. Apabila ke sini, mereka akan membuat pemeriksaan kesihatan dan bertanyakan mengenai perkembangan kesihatan kami sekeluarga.

“Saya sudah menganggap seperti keluarga kami dan berharap mereka akan mencapai kejayaan dan bergelar doktor selepas tamat pengajian nanti,” katanya.

Sehingga kini, sejumlah 467 pelajar perubatan

UMS dan lebih 200 keluarga angkat daripada 37 kampung di sekitar Kudat terbabit dalam program berkenaan.

Program terbabit berjaya memberi manfaat dari aspek meningkatkan taraf kesihatan dan kesedaran penduduk desa ke arah gaya hidup lebih sihat disamping menghasilkan graduan perubatan berkualiti tinggi dan bersedia untuk berkhidmat di luar bandar pada masa akan datang.